

19/01/2003

Komponen BN perlu bersihkan daftar pengundi

KUALA LUMPUR: Gerakan menggesa semua parti komponen Barisan Nasional (BN)

menumpukan perhatian untuk membersihkan senarai daftar pengundi sebelum pilihan raya umum akan datang.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata jika usaha itu tidak dilakukan, ia akan merugikan BN.

"Jika tak puas hati dengan senarai daftar pengundi, kita harus tunjukkan

semua bukti yang kita tak puas hati dengan senarai itu kepada Suruhanjaya

Pilihan Raya (SPR).

"Gerakan dan BN ada jentera untuk berbuat demikian," katanya pada sidang

akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Jawatankuasa Pusat Gerakan di sini, semalam.

Pada 2 November lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan ada pihak tertentu memindahkan seramai 2.8 juta pengundi berdaftar ke kawasan lain yang tiada kena mengena dengan mereka.

Beliau berkata, kajian yang dibuat terhadap senarai daftar pemilih menunjukkan pengundi berkenaan tidak mempunyai alamat atau sebarang kaitan

sama sekali dengan kawasan baru itu.